

18/08/1998

Tok Ayah Ali penghubung Kampung Chengal

Azman Mahmood

KAMPUNG CHENGAL sebuah kampung terpencil di daerah Kota Bharu mula mengalami perubahan sejak sebuah jambatan konkrit yang menghubungkan ke Kampung Kayu Rendang siap dibina, baru-baru ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar meluluskan projek pembinaan jambatan itu yang menjadi harapan penduduknya sejak 30 tahun lalu. Jambatan itu merentangi Sungai Tasek Jawa di Kampung Chengal yang pembinaannya bermula pada 1996 dan siap sepenuhnya.

Sebelum ini, jambatan yang menjadi penghubung antara penduduk Kampung Chengal dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kadok dengan Kayu Rendang dalam DUN Melor hanya menggunakan jambatan buluh dan kayu, sejak berpuluh tahun lalu.

Keadaan itu menjadi kebimbangan penduduk apabila jambatan itu dianggap antara laluan terpenting kepada penduduk sekitarnya, terutama kepada murid untuk ke Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Chengal yang terletak setengah kilometer dari jambatan itu.

Sebenarnya, usaha awal membina jambatan merentangi Sungai Tasek Jawa itu dilakukan seorang penduduk dikenali dengan panggilan Tok Ayah Ali bagi menghubungkan Kampung Chengal dengan Kayu Rendang.

Tok Ayah Ali pada awalnya dikatakan berusaha menghubungkan dua kampung itu dengan menyediakan rakit yang ditarik dengan tali dan kemudiannya membina jelujur kayu.

Oleh itu, bagi mengenang jasa dan usaha Tok Ayah Ali itu, jambatan yang baru siap di kampung itu dinamakan sempena nama beliau.

Jambatan konkrit baru panjangnya kira-kira 200 meter itu berharga RM1.3 juta mampu menjadi pemangkin kepada proses kemajuan dan pembangunan kampung kawasan sekitarnya pada masa depan, yang sebelum ini amat terpinggir.

Malah, penduduk Kampung Chengal juga bertuah apabila kampung itu turut terpilih menyertai program kampung Gerakan Desa Wawasan (GDW).

Selain jambatan, kampung itu turut mempunyai sebuah Pusat Ukhuwah Tarbiyah dan Riadah Rakyat (Putra) untuk kemudahan mengikut pelbagai kursus dan kem motivasi yang terletak di tepi Sungai Tasek Jawa berhampiran jambatan Tok Ayah Ali.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut meluluskan peruntukan kira-kira RM250,000 untuk pembinaan telaga tiub di kampung itu. Dengan adanya kemudahan telaga tiub berkenaan, bekalan air luar bandar kepada penduduk di kampung itu dapat ditingkatkan.

Sementara itu, penduduk Kampung Chengal dan Kayu Rendang melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang memenuhi hasrat dan harapan penduduk itu untuk melihat wujudnya sebuah jambatan baru.

Mereka juga menyifatkan penantian penduduk sejak lebih 30 tahun lalu khususnya arwah Tok Ayah Ali yang berusaha keras untuk mendapatkan jambatan lebih baik, kini tercapai.

Seorang penduduk, Abdul Rahman Said, 75, berkata penduduk kampung kini tidak menghadapi masalah jalan perhubungan untuk berulang alik antara Kampung Chengal dan Kayu Rendang dengan wujudnya jambatan baru itu.

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka merasmikan jambatan Tok Ayah Ali pada 22 Ogos ini juga akan menambah kemegahan penduduk kampung berkenaan.

"Kami penduduk Kampung Chengal amat mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri yang menunjukkan sikap seorang pemimpin yang amat prihatin kepada

rakyat di kawasan luar bandar," katanya.

Awang Lah Salleh, 73, berkata pembinaan jambatan itu juga membuktikan Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan rakyat Kelantan untuk menikmati perubahan dan kemajuan.

Menurutnya, penduduk juga sewajarnya memberi sokongan padu terhadap segala usaha Kerajaan Pusat untuk menyalurkan kemudahan prasarana di luar bandar untuk kebaikan bersama terutama bagi kepentingan generasi akan datang.

"Apa yang pasti jambatan Tok Ayah Ali ini akan menjadi simbol kepada perubahan dan kemajuan kampung ini," katanya.

(END)